

21 APR 2001

Kemalangan-Maut (Ling)

KEMALANGAN DI BALING.....LING AKAN JUMPA SAMY SECEPAT MUNGKIN

BALING, 21 April (Bernama) -- Satu pertemuan akan diadakan secepat mungkin dengan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vello bagi mencari jalan menyelesaikan masalah kekerapan kemalangan di Batu 7 Jalan Pengkalan Hulu-Baling.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Ling Liong Sik berkata, beliau akan pulang ke ibu negara esok dan akan berbincang dengan Samy berkaitan perkara itu.

"Kita harap akan ada jurutera yang datang ke tempat kejadian itu dan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah yang timbul," katanya kepada pemberita selepas melawat mangsa kemalangan di Hospital Baling, hari ini.

Dalam kejadian pada pukul 10.30 pagi semalam di Batu 7, Jalan Pengkalan Hulu-Baling itu, sebuah bas sewa khas yang membawa anggota Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dari Kota Bharu, Kelantan ke Langkawi terbabas dan terbalik serta bumbungnya terputus.

Tiga belas daripada 54 orang yang berada di dalam bas maut dalam kemalangan itu. Yang meninggal dunia ialah 11 perempuan dewasa dan masing-masing seorang kanak-kanak lelaki dan perempuan.

Ling berkata, hasil laporan polis yang diterimanya hari ini, di kawasan berkenaan telah berlaku sekurang-kurangnya lapan kemalangan maut membabitkan kenderaan berat dalam tempoh setahun.

Beliau berkata, beberapa tahun lepas kementerian telah mengenal pasti 200 kawasan hitam yang kerap berlaku kemalangan dan tempat kejadian ini adalah satu daripadanya.

"Banyak peruntukan telah dikeluarkan untuk memperbaiki keadaan di kawasan berkenaan. Selepas ini kita akan menumpukan kerja-kerja memperbaiki keadaan di tempat kejadian," katanya.

Beliau berkata kementerian akan menunggu laporan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan dan polis berhubung kejadian terbabit bagi mengetahui puncanya.

"Kita akan lihat semua aspek termasuk masalah teknikal kecuai dan lebih muatan," katanya.

Ling berkata beliau juga ingin mengetahui bilakah kali terakhir bas berkenaan diperiksa oleh Puspakom.

Sementara itu, Menteri Sumber Manusia Datuk Fong Chan Onn yang turut melawat mangsa kemalangan di Hospital Baling ketika ditemui pemberita berkata, majikan yang berhasrat mengadakan rombongan melibatkan kakitangannya perlu memastikan kenderaan yang digunakan untuk membawa peserta rombongan itu berada dalam keadaan baik.

Katanya, mengambil langkah berjaga-jaga amat penting supaya kemalangan jalan raya seperti yang berlaku di Batu 7 Jalan Pengkalan Hulu-Baling pagi semalam tidak berulang lagi.

"Ambil kira juga siapakah pemandu kenderaan yang akan digunakan itu. Pemandu haruslah seorang yang berpengalaman dan mahir dengan jalan yang hendak dilalui," katanya.

Fong juga berkata, beliau akan melihat sama ada beberapa kakitangan AIM yang terlibat dengan kemalangan itu mencarum dengan Skim Perkeso.

"Sekiranya mereka mencarum dengan Perkeso mereka layak mendapat bantuan kemalangan daripada agensi itu," katanya.

Di JOHOR BAHRU, Samy berkata Jabatan Kerja Raya (JKR) Kedah telah diarah menyediakan laporan terperinci mengenai kemalangan tersebut.

Katanya, beliau telah menghubungi pengarah JKR Kedah pagi ini meminta

supaya disediakan laporan meliputi aspek sama ada kemalangan jalan raya itu, yang paling teruk tahun ini, melibatkan kejuruteraan jalan di situ.

"Saya mesti mendapat tahu berkenaan dengan jalan, sama ada kemalangan itu berlaku oleh kerana jalan atau kerana pemandunya membawa bas dengan laju dan tidak menjaga kepentingan penumpang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen MIC Johor di Skudai dekat sini hari ini.

Samy berkata beliau juga mendapat tahu bahawa pemandu bas itu telah memandu tanpa rehat lebih 12 jam selepas bertolak dari Kota Baharu dan ia mungkin menjadi satu punca kemalangan itu.

Mengenai konvensyen itu, Samy berkata beliau telah mengarahkan ketua bahagian MIC di seluruh negara supaya tidak lagi mencalonkan semula pemimpin tempatan yang telah berkhidmat lebih dua penggal atau empat tahun sebagai ahli majlis pihak berkuasa tempatan.

"Semua ahli majlis daerah dan pihak berkuasa tempatan yang dilantik daripada MIC hanya dibenarkan berkhidmat untuk tempoh dua penggal tidak melebihi empat tahun," katanya.

Beliau berkata ketua-ketua bahagian bagaimanapun tidak terhad tempoh perkhidmatannya.

Samy berkata ada ahli majlis daripada MIC yang menduduki jawatan itu sehingga 10 tahun dan dengan arahan itu, muka-muka baru akan mendapat peluang supaya mereka pula berkhidmat kepada masyarakat.

"Kita kini menghadapi cabaran baru di alaf baru dan saya mahu ahli-ahli majlis daripada MIC mampu berkhidmat dan mengetahui dengan cepat segala maklumat pembangunan setempat dan dapat membantu kaum India mendapatkan peluang ekonomi yang terhasil daripada pembangunan itu," katanya.

-- BERNAMA
MNY MNY MOZ